

26 FEB 1999

Motosikal-Ujian

DOOHAN DAN KOCINSKI AKAN UJI LITAR SEPANG BULAN DEPAN

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Juara GP motosikal dunia sebanyak lima kali, Michael Doohan dan pemenang GP Malaysia John Kocinski akan mengetuai barisan pelumba handalan 500cc untuk sesi ujian kedua IRTA di Litar Antarabangsa Sepang (SIC) bulan depan.

Sejumlah 19 penunggang akan menguji enjin masing-masing pada litar itu pada sesi ujian selama empat hari, bermula 11 Mac, dua hari selepas upacara perasmian litar sepanjang 5.542km itu oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketua pegawai eksekutif SIC, Datuk Ahmad Bakri Shabdin berkata hari ini dengan jumlah pelumba yang ramai menguji litar itu bermakna mereka sememangnya memandang berat tentang Grand Prix Malaysia.

"Litar itu sememangnya mencabar dan kesemua mereka mahu berlumba dengan baik di sini kerana GP Malaysia adalah pembukaan kepada siri GP dunia musim ini," kata beliau.

GP Malaysia akan diadakan pada 16-18 April depan.

Ujian pertama IRTA (Persatuan Perlumbaan Motosikal Antarabangsa) ke atas litar ini telah diadakan pada 2-5 Feb lepas.

Doohan, yang tidak hadir pada ujian pertama, akan menunggang buat kali pertama di litar ini.

Selain Doohan dan Kocinski, pelumba-pelumba lain yang akan ke sini untuk melakukan ujian itu ialah Max Biaggi, Alex Criville, Charlos Checa, Norick Abe, Tadayuki Okada, Kenny Roberts Jr, Simon Crafar dan Tetsuya Harada.

Selain pelumba 500cc, tujuh pelumba kategori 250cc juga akan membuat ujian ke atas litar tersebut.

Mereka ialah Tohru Ukawa (Honda), Ralf Waldmann (Aprilia), Jeremy McWilliams (Aprilia), Anthony West (Honda). Johan Stigefelt (Yamaha), Marcellino Lucchi (Aprilia) dan Valentino Rossi (Aprilia).

Tiket-tiket untuk menyaksikan sesi ujian itu ialah RM5.

-- BERNAMA

DC ZB